

KANUN TANAH NEGARA 1965
BORANG 6A
(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN : TUNGGAKAN SEWA

Kepada **SHAHANOM BINTI HAJI ARIFFIN, 1/4 BAHAGIAN, MOHD ZIN BIN HAJI ARIFFIN 3/4 BAHAGIAN**

Beralamat di -

Tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam jadual di bawah ini .

Bahawasanya sewa yang di kenakan bagi * tanah/tanah-tanah tersebut dan yang genap masa berkenaan dengan tahun ini masih belum di bayar dan mulai 01 hb Jun ,adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh **TIGA (3) BULAN** dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di **Pejabat Tanah Hulu Selangor di Kuala Kubu Bharu** segala jumlah wang yang sekarang genap masa sebagaimana yang dimasukkan dalam ruangan ke tiga (3) hingga enam (6) dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

DAN AMBIL PERHATIAN bahawa, jika *jumlah/ mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan diruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh **TIGA (3) bulan** yang tersebut itu maka saya bertandatangan dibawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 100, Kanun Tanah Negara, 1965 akan mengistiharkan dengan jalan **PERINTAH** tanah/ tanah-tanah yang berkenaan itu di lucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Bertarikh pada 1 haribulan 04 2021

Pentadbir Tanah

Daerah Hulu Selangor.



MUKIM: SUNGAI GUMUT

JADUAL TANAH DAN TUNGGAKAN.

Perihal& No. Hakmilik	No.Lot/Pt	Sewa tahun ini	Tunggakan dari tahun- tahun lepas	Fee-Fee dll yang dikenakan sebagai Hasil	Tunggakan Fee (Tunggakan denda lewat Dan denda lewat semasa dan bayaran terkurang	Jumlah kena dibayar.
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
GM 3730	LOT 628	RM 35.00	RM 1,437.80	RM 20.00 Bayaran Notis 6A	RM 10,260.30	RM 11,753.10

TAMBAHAN.

Kepada
yang beralamat di

* Pemegang gadaian/Pemajak/Pemajak Kecil/Tenan/Pemegang lien/Kaveator/Pemegang esmen.

Sekiranya kamu ada sebab mempercayai bahawa tuanpunya bagi tanah yang diadualkan di atas dalam mana kamu mempunyai atau menuntut sesuatu kepentingan akan mungkir daripada membayar wang-wang yang sekarang ini ditetapkan sebagai kena dibayar, maka kamu boleh mengelakkan pelucuthakan tanah tersebut dengan membayar sepenuhnya kepada Pentadbir Tanah, dalam tempoh yang dinyatakan, jumlah yang dinyatakan berkenaan dengan tanah itu.

DAN AMBIL PERHATIAN bahawa (tanpa menjejaskan apa-apa hak dibawah seksyen itu untuk mendakwa tuanpunya itu secara terus), hak-hak istimewa yang berikut untuk mendapat balik bayaran-bayaran wujud menurut kuasa peruntukan-peruntukan seksyen 98 Kanun Tanah Negara:-

- (a) apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh pemegang gadaian hendaklah ditambahkan kepada bayaran yang pertama yang kemudiannya kena dibayar atas gadaian itu;
- (b) apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh pemajak, pemajak kecil ataupun tenan boleh didapatkan balik dengan memotong amaun itu daripada apa-apa sewa yang pada masa itu atau kemudiannya kena dibayar olehnya kepada tuanpunya tanah itu atau kepada sesiapa yang memegang tanah itu;
- (c) mana-mana pemajak, pemajak kecil atau tenan yang menanggung apa-apa tanggungan tambahan atau dialami apa-apa potongan di bawah seksyen itu boleh mendapat balik amaun yang ditanggung atau dipotong itu dengan membuat potongan yang bersamaan daripada amaun sewa yang kena dibayar olehnya.

Bertarikh pada 1 haribulan 04 2021

Pentadbir Tanah.....

Daerah Hulu Selangor.

